

TERMA & SYARAT PERADUAN

Penganjur & Tempoh Peraduan

1. PERADUAN F&N 135th ANNIVERSARY (“Peraduan”) dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas pada 01/10/2018 kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (“Penganjur”), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
2. Peraduan bermula dari 01/10/2018 dan berakhir pada 30/11/2018 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan

4. Setiap pembelian mana-mana produk F&N (semua jenis dan saiz) akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan. Sila rujuk kepada Jadual Pembelian (“Jadual BP”) yang ditunjukkan pada borang penyertaan untuk butiran penyertaan.
5. Setiap borang penyertaan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, jawapan betul 2 (dua) kenyataan yang ditunjukkan dalam borang penyertaan dan mesti disertakan dengan BP yang dikehendaki.
6. Setiap peserta boleh/layak mengemukakan lebih daripada 1 (satu) borang penyertaan. Lebih daripada 1 BP boleh dikemukakan untuk setiap penyertaan. Sampul surat boleh mengandungi beberapa penyertaan. Salinan fotostat borang penyertaan dibenarkan/diterima.
7. Hanya borang penyertaan lengkap yang dihantar ke alamat ditetapkan di bawah akan diterima.

PERADUAN F&N 135th ANNIVERSARY

d/a: OMNITEAM SDN BHD, PETI SURAT 8861, PEJABAT POS KELANA JAYA, 46899 PETALING JAYA

8. Borang penyertaan mesti dihantar atas risiko dan perbelanjaan Peserta sendiri. Borang penyertaan yang diterima selepas **30/11/2018, 23.59 mlm** tidak akan dilayani. Borang penyertaan yang lengkap bersama dengan BP mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dikirimkan melalui pos biasa ke alamat Peti Surat yang dinyatakan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kiriman pos yang tidak diterima disebabkan kekurangan nilai setem pos atau alamat tidak betul. Penyertaan yang diterima melalui penghantar surat, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau sebarang cara lain akan dibatalkan secara automatik. Bukti pos borang penyertaan tidak boleh dijadikan bukti penerimaan oleh Penganjur. Semua borang penyertaan termasuk BP yang dikemukakan menjadi hak milik Penganjur dan tidak akan dikembalikan.
9. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada prosedur dan penentusahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan secara automatik penyertaan yang tidak lengkap dan/atau tidak dapat dibaca atau cacat dan/atau penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas **30/11/2018, 23.59 mlm**) atau penyertaan tanpa BP yang dikehendaki.
10. Penganjur, atas budi bicara mutlak, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan penyertaan tanpa perlu memberikan sebarang notis kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
11. Semua borang penyertaan yang diterima oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan akan ditetapkan 1 (satu) nombor bersiri. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Setiap borang penyertaan akan diperuntukkan maksima sehingga 100 (seratus) nombor bersiri berturut-turut sahaja.

Hadiah Utama & Hadiah Pertama

12. Hadiah-hadiah Utama yang boleh dimenangi sepanjang tempoh Peraduan adalah seperti berikut:
 - 1 (Satu) Hadiah Utama berupa Emas Tulen 916 - 1.35kg eksklusif bernilai RM300,000.
 - 9 (Sembilan) Hadiah Pertama berupa Syiling Emas Edisi Terhad 135g eksklusif bernilai RM30,000 setiap satu.
13. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi kesemua borang penyertaan layak akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 10 (sepuluh) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah-hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
Sebagai contoh: Jika nombor bersiri borang penyertaan layak berjumlah 88889, maka 88889 akan dibahagikan dengan 10, yang bersamaan dengan 8888.90, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 8888. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 8888. Seramai 10 (sepuluh) Peserta yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 8888 iaitu 8888, 17776, 26664, 35552, 44440, 53328, 62216, 71104, 79992 dan 88880 akan dipilih sebagai peserta akhir.
14. Sejumlah sepuluh (10) peserta akhir (“Peserta Akhir”) akan dipilih untuk mengambil bahagian dalam Cabaran Akhir F&N (“Cabaran”) untuk menentukan nilai Hadiah-hadiah Utama yang akan dimenangi oleh setiap Peserta Akhir.
15. Penganjur akan menghubungi semua Peserta Akhir melalui nombor hubungan/telefon bimbit yang diberikan kepada Penganjur dalam borang penyertaan untuk memberitahu Peserta akhir tentang tempat, tarikh dan masa Cabaran.
16. Penyertaan Peserta Akhir dalam Cabaran seterusnya akan tertakluk kepada terma dan syarat [“Peraturan Cabaran”] yang akan dimaklumkan dan diumumkan oleh Penganjur kepada Peserta Akhir pada hari Cabaran. Setiap Peserta Akhir mesti mengambil bahagian dalam Cabaran yang ditetapkan oleh Penganjur untuk menentukan Hadiah-hadiah Utama untuk dimenangi, tertakluk kepada pematuhan ketat oleh Peserta Akhir kepada Peraturan Acara yang ditetapkan oleh Penganjur semasa Cabaran.
17. Peserta Akhir yang gagal dan/atau enggan mengambil bahagian dalam Cabaran atas apa jua sebab akan dibatalkan secara automatik oleh Penganjur dan Hadiah yang diperuntukkan kepada Peserta Akhir berkenaan akan dibatalkan oleh Penganjur. Hak Peserta Akhir untuk menyertai Cabaran sama sekali tidak boleh dipindahkan.
18. Peserta Akhir yang mendapat markah paling tinggi pada penghujung Cabaran akan memenangi Hadiah Utama dan 9 (sembilan) Peserta Akhir seterusnya secara automatik akan memenangi Hadiah Pertama.
19. Setiap Peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah-hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan.

Hadiah Istimewa

20. Terdapat 10000 (sepuluh ribu) Hadiah Istimewa berupa Replika Trak Vintaj F&N eksklusif untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

21. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi kesemua borang penyertaan layak akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 10000 (sepuluh ribu) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Istimewa. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
Sebagai contoh: Jika nombor bersiri borang penyertaan layak berjumlah 88889, maka 88889 akan dibahagikan dengan 10000, yang bersamaan dengan 8.8, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 8. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 8. Seramai 10000 (sepuluh ribu) Peserta yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 8 iaitu 8, 16, 24, 32, 40 dan seterusnya akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Istimewa.
22. Setiap peserta hanya boleh memenangi maksima 2 (dua) Hadiah Istimewa sepanjang Tempoh Peraduan.
23. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 1 (satu) bulan dari tarikh Hadiah disediakan untuk kutipan. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.
24. Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan semua Hadiah serta terma dan syarat yang dikenakan ke atas semua Hadiah, jika ada. Hadiah yang hilang dan/atau rosak semasa proses penghantaran dan/atau semasa penebusan hadiah tidak akan digantikan dan Penganjur menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripadanya dan kewajipan untuk menggantikan Hadiah yang hilang dan/atau rosak.
25. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.
26. Iklan Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web www.fn.com.my.

Liabiliti & Tanggungjawab

27. Gambar hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.
28. Pemenang dan/atau waris mereka hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
29. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut Hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

30. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
31. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di pdpa@omnitem.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.

Hak Penganjur

32. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah dituntut dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
33. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
34. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada Peserta terlebih dahulu.
35. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan hadiah. Semua Peserta bersetuju tanpa syarat untuk menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah.
36. Penganjur sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kesilapan percetakan yang tertera pada BP yang diedarkan di pasaran.
37. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
38. Terma & Syarat ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di www.fn.com.my akan diguna pakai.
39. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila hubungi Talian Khas di 03-7880 7803 (10 pg – 1 ptg, 2 ptg – 5 ptg, Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) atau kunjungi www.fn.com.my.